

29/08/2000

Tenaga pengajar wajar bimbing generasi muda

Hasliza Hassan

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai pelbagai sebab untuk meminta pelajar memilih jurusan yang bersesuaian dengan pasaran kerja dan keperluan negara.

Pertamanya, pilihan yang bertepatan membantu mereka mendapatkan pekerjaan dan keduanya, kepakaran pelajar menguasai bidang baru akan membolehkan Malaysia menangani cabaran globalisasi.

Justeru, sewajarnya pelajar menghalusi nasihat dan pandangan Dr Mahathir kerana untuk jangka masa panjang, mereka tidak boleh hanya bergantung kepada minat atau kecenderungan saja.

Dahulu, minat saja mungkin boleh menjadi faktor yang mendorong pelajar berjaya tetapi kini keyakinan serta kesediaan menguasai sesuatu bidang itu mengatasi segala-galanya.

Maknanya, apa yang perlu dititikberatkan pelajar ialah selain membuat pilihan yang tepat, mereka juga hendaklah memikirkan peluang pekerjaan kerana ilmu yang ada, jika tidak dapat dipraktikkan, akan menjadi sia-sia.

Tanggungjawab menentukan hasrat itu tercapai tidak hanya terletak di bahu pelajar tetapi perlu dipikul sama pihak universiti dan tenaga pengajar yang menjadi pembimbing kepada generasi muda ini.

Bagi tujuan itu, Kementerian Pendidikan menggalakkan universiti mengendalikan sesi khas untuk memberitahu pelajar mengenai bidang kerja yang berkaitan dengan kursus yang ditawarkan.

Sesi itu juga nanti boleh dijadikan landasan bagi pihak universiti untuk mendapat maklum balas daripada pelajar mengenai sektor pekerjaan yang menjadi minat dan pilihan mereka.

Selain institusi pengajian tinggi, pengurusan sekolah juga disarankan mengambil inisiatif yang sama dengan mendedahkan pelajar kepada ruang pekerjaan dan kursus yang ditawarkan sejak awal lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Dr Mahadzir Mohd Khir, menyifatkan cara itu penting bagi memperkenalkan pelajar kepada cabaran dan persaingan dalam dunia pekerjaan sekarang.

"Memang ideal jika kita dapat tambahkan jumlah pelajar yang mendalami bidang berasaskan teknologi maklumat (IT) sejajar dengan hasrat negara untuk menguasai bidang itu.

"Tetapi lebih menarik jika kita dapat menanamkan minat dalam hati mereka di peringkat awal lagi, iaitu sebelum mereka perlu membuat pilihan jurusan mana yang akan disertai," katanya.

Beliau berkata, dengan pendedahan awal, pelajar mempunyai banyak masa untuk membuat persediaan dan cara ini juga mengelakkan mereka tersalah memilih jurusan.

Walaupun tidak dinafikan kebanyakan pelajar lebih gemar mengambil kursus dalam bidang yang dirasakan selesa dan memberi peluang mudah untuk lulus, beliau berkata, ada cara untuk menggalakkan mereka melebarkan skop bidang itu.

Menurut Mahadzir, ini dapat dilaksanakan jika pelajar bijak mempelbagaikan minat dan berani meneroka bidang ilmu baru yang tidak lari daripada pengkhususan mereka.

"Tidaklah nanti pelajar yang melanjutkan pengajian hanya tertumpu kepada bidang sastera atau sains kemasyarakatan saja. Kita mahu mereka turut mendalami bidang sains serta jurusan teknikal lain.

"Bukan kita menghalang pelajar memilih jurusan sastera dan sains sosial tetapi kita mahu mereka lebih kreatif dalam pemilihan. Cuba fikirkan, jika

semua mengambil jurusan yang sama, bagaimana mereka akan bersaing sesama mereka.

"Tetapi jika mereka mendalami jurusan lain, saingan lebih kecil dan peluang menjadi luas. Selalunya, bidang yang tidak ramai pakar, permintaannya lebih tinggi," katanya.

Beliau berkata, kedatangan alaf baru bukan sekadar berkisar kepada penciptaan teknologi yang inovatif tetapi lebih kepada sejauh mana kepantasan sesebuah negara menguasai teknologi berkenaan.

Sehubungan itu, penguasaan teknologi maklumat yang menjadi sasaran setiap negara tidak sepatutnya dilihat sebagai fesyen, sebaliknya ia adalah satu bidang yang perlu dikuasai dan dimanfaatkan.

"Persoalannya, bagaimana untuk kita sama-sama bersaing dan terus kukuh dalam perlumbaan menguasai bidang baru itu.

"Inilah yang cuba kita terapkan dalam minda generasi muda kerana mereka adalah generasi celik IT untuk mengharung era globalisasi nanti.

"Atas prinsip untuk terus berdiri teguh inilah, pelajar perlu memilih bidang yang sesuai kerana kita tidak mahu nanti dikatakan sebagai bangsa yang ketinggalan zaman," katanya.

(END)